



**JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH
MARINE DEPARTMENT CENTRAL REGION
(SELANGOR, NEGERI SEMBILAN & MELAKA)
PETI SURAT 268, JALAN FORESHORE
42000 PELABUHAN KLANG
SELANGOR, MALAYSIA**

Telefon: 03-3169 5100 Emel : pjlwt@marine.gov.my
Faks: 03-3165 3540 Laman Web : <http://www.marin.gov.my>
03-3169 5100 Kawat : MARINE PELABUHAN KLANG



MS ISO 9001
Cert. No : KLR 0403591 B
Cert. No : KLR 0403591 N
Cert. No : KLR 0403591 M

**PEKELILING PELABUHAN (PORT CIRCULAR)
NO: 06/2008**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 7 Mei 2008.

**KERJA-KERJA Pengerukan "MAINTENANCE DREDGING"
DI PERAIRAN PELABUHAN KLANG**

Adalah dimaklumkan bahawa kerja-kerja pengerukan berjadual "maintenance dredging" akan dijalankan di perairan Pelabuhan Klang oleh Syarikat Integrated Marine Works (IMW) selama tempoh kira-kira **3 bulan** mulai dari **12 Mei 2008**. Kerja-kerja pengerukan tersebut meliputi kawasan perairan "Southern Approach Channel, Labuhan Gurap Channel, North Shore Anchorage Reach, Anchorage A & Anchorage B" di Pelabuhan Klang.

2. Vesel-vesel yang akan terlibat dalam kerja-kerja tersebut adalah Inai Anggerik (TSHD), Inai Selasih (TSHD) dan Inai Lavender (TSHD). Perlu dimaklumkan juga bahawa bahan-bahan sisa korekan itu akan dilupuskan di suatu kawasan tapak pembuangan sebelah Selatan yang terkandung dalam kawasan pada Lat. 02° 56' 33"U / Long. 101° 07' 16"T, Lat. 02° 54' 00"U / Long. 101° 10' 05"T, Lat. 02° 52' 23"U / Long. 101° 08' 37"T dan Lat. 02° 54' 57"U / Long. 101° 05' 50"T.

3. Selaras dengan itu juga, semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot-bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel-vesel terlibat.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)
b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k: (i) Pengarah Laut,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.
- (ii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.